



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN TAHUN 2020

Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta milik penuh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) melalui anak syarikatnya KUIPs Sdn. Bhd. (1032988-M) ingin mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia (keutamaan kepada anak-anak negeri Perlis)** yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Pentadbiran secara Kontrak di **Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)**. Maklumat jawatan tersebut mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

1. Kumpulan Perkhidmatan: Kumpulan Pengurusan dan Profesional

JAWATAN	GRED	PENEMPATAN	KEKOSONGAN
• Pegawai Tadbir	N43	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Penginapan dan Kediaman Pelajar • Pusat Ko-Kurikulum • Seksyen Promosi 	3
• Pereka	B43	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Hal Ehwal Korporat 	1
• Pegawai Teknologi Maklumat (Business / System Analyst) Programmer	F41	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 	2
• Jurutera	J41	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pembangunan Kampus Tetap 	1
• Pegawai Undang-Undang	L41	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen Perundangan 	1
• Pegawai Kewangan	W41	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Bendahari 	1
• Pegawai Tadbir / Penolong Pendaftar	N41	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Timbalan Rektor Akademik & Ehwal Pelajar • Jabatan Pendaftar • Fakulti Al-Quran dan Sunnah 	3

2. Kumpulan Perkhidmatan: Kumpulan Sokongan

JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN
• Penolong Pegawai Tadbir	N27	4
• Pembantu Tadbir	N17	9
• Juruteknik (Elektrik)	J17	2
• Pemandu Kenderaan	H11	2
• Pekerja Awam	H11	1
• Pengawal Keselamatan	KP11	3



2. Syarat-Syarat Lantikan:

A) PEGAWAI TADBIR (GRED N43)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iv. Keutamaan kepada calon yang mempunyai kriteria-kriteria bagi:

1) Pusat Penginapan dan Kediaman Pelajar

- Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta;
- Calon mestilah mempunyai asas kemahiran dalam Pengurusan Kolej-Kolej Kediaman;
- Calon mestilah seorang individu yang "*service-oriented*" dan bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan pelajar tidak kira siang ataupun malam; dan
- Calon juga perlulah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

2) Pusat Ko-Kurikulum

- Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta;
- Calon mestilah mahir mengendalikan Kurikulum yang seimbang dan bersepadu;
- Calon mestilah aktif dalam Kokurikulum dan berpengetahuan dalam merekabentuk dan melaksanakan Kokurikulum berkredit serta program pembangunan pelajar secara holistik;
- Calon perlulah berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar secara berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

3) Seksyen Promosi

- Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam Pentadbiran dan Pengurusan di Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta;
- Calon mestilah berpengalaman dalam bidang pemasaran, berkemahiran dalam merangka dan menetapkan gerak kerja jangka panjang dan jangka pendek pembangunan strategik program dan aktiviti promosi yang berkesan.

B) PEREKA (GRED B43)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan atau seni lukis;
- iii. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;
- iv. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- v. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.

C) PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (GRED F41)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat / Kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iv. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam aspek seperti berikut :
 - **membangunkan Sistem PHP dan MySQL**
 - **pembangunan sistem, rekabentuk pengkalan data dan dokumentasi.**

D) JURUTERA (GRED J41)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

E) PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L41)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau
- iii. Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination) ;
- iv. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

F) PEGAWAI KEWANGAN (GRED W41)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perdagangan atau Pengajian Perniagaan / Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- iii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perdagangan atau Pengajian Perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- iv. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

G) PEGAWAI TADBIR / PENOLONG PENDAFTAR (GRED N41)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



H) PENOLONG PEGAWAI TADBIR (GRED N27)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia/ Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan / Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

I) PEMBANTU TADBIR (GRED N17)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

J) JURUTEKNIK (GRED J17)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik-Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

K) PEMANDU KENDERAAN (GRED H11)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- iii. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
- iv. Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini; dan
- v. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



L) PEKERJA AWAM (GRED H11)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

M) PEGAWAL KESELAMATAN (GRED KP11)

- i. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan berkenaan.
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- iii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;
- iv. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan
- v. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :
 - Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
 - Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita; Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - Mempunyai sekurang-kurangnya 79 sm dan 84 sm ukuran dada yang biasa dan semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
 - Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat dan
 - Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

PERHATIAN KEPADA CALON

1. Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.
2. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun hingga 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
3. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMASKINI.**
4. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN DOKUMEN** berikut yang telah **DISAHKAN**:
 - a. Kad Pengenalan
 - b. Sijil PMR/SPM/MCE,HSC/STPM atau setaraf
 - c. Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - d. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam
 - e. Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja / penetapan gaji.
 - f. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan / Badan Berkanun / separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - g. Salinan lesen memandu (bagi jawatan berkaitan).
5. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di **Penjuru Atas Sebelah Kiri** sampul surat permohonan.
6. **Borang yang tidak lengkap** dan permohonan calon dari jabatan kerajaan /badan berkanun /separa kerajaan yang tidak melalui majikan **tidak akan diproses.**
7. Hanya permohonan yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
8. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap tidak berjaya.
9. Pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Kolej Universiti Islam Perlis.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN:

- a) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang BPSM (Pentadbiran)-Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)** yang boleh dimuatnaik dengan melayari laman sesawang Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) di <http://www.kuips.edu.my> atau boleh diperolehi di Kaunter Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pendaftar dengan bayaran sebanyak **RM2.00** (tunai) bagi setiap borang permohonan.
- b) Borang permohonan yang telah dilengkapi dan dilampirkan bersama Butiran Peribadi (Resume/CV), salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan kad pengenalan yang telah disahkan, hendaklah dihantar kepada:

**JABATAN PENDAFTAR
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (1032988-M)
Lot 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, & 27
TAMAN SEBERANG JAYA FASA 3
02000 SEBERANG RAMAI KUALA PERLIS
NO. TEL.: 04-9851867 Emel: hr@kuips.edu.my
(u.p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)**

- c) Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 Februari 2020**.
- d) Sebarang surat-menyurat atau emel yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Sebarang keputusan adalah muktamad.

Tarikh diiklankan: 03 Februari 2020

-ooooooooooooOoooooooooooo-

